

**BIASISWA SKIM PELAJAR CEMERLANG YAYASAN TERENGGANU 2023
BAGI PELAJAR LEPASAN SPM 2022**

PROGRAM : **BIASISWA SKIM PELAJAR CEMERLANG**
PUSAT PENGAJIAN : **PENGAJIAN IPTA DALAM NEGARA**
PERINGKAT : **ASASI / DIPLOMA (PELBAGAI BIDANG)**

Syarat Kelayakan :

- ✓ Lulus SPM tahun semasa dengan memperolehi **Gred A** (A+,A atau A-) sekurang-kurangnya **dalam 8 mata pelajaran** termasuk **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik** di peringkat Peperiksaan SPM.
- ✓ Telah **mendapat tawaran** di Pusat Pengajian Persediaan (Asasi/Tamhidi) atau Diploma di Universiti Awam (UA) dalam negara.
- ✓ Penawaran biasiswa ke peringkat **Ijazah Pertama** tertakluk kepada :
 - Memperolehi keputusan Peperiksaan Cemerlang Peringkat Persediaan (Asasi/Tamhidi) dengan pencapaian sekurang-kurangnya CGPA 3.75 atau setaraf, dan
 - Memperolehi tawaran kemasukan/mendapat tempat di Universiti Awam (UA) dan keutamaan dalam bidang-bidang pengajian Iktis dan Kritikal.

PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) bermula 11 Julai 2023 hingga 21 Julai 2023 (12.00 tengahari) menerusi ytpenajaan.terengganu.gov.my

Borang permohonan mesti dilengkapkan dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

UJIAN BERTULIS & TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Ujian Bertulis & Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.